

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

MISI AKADEMIK JELAJAH SARAWAK: PROMOSI PENGAJIAN UiTM DI MIRI

Penulis: Amira Hazwani Anuar & Nur Ain Abu Bakar

UiTM Cawangan Sarawak telah berjaya membawakan Ekspo Pendidikan 'Selangkah ke UiTM 2025' (ESKU 2025) ke Miri, bertempat di Bintang Megamall. Program ini diadakan selama tiga hari, bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, bertujuan memperkenalkan peluang pengajian di UiTM kepada calon lepasan SPM, STPM, atau setaraf, serta orang ramai yang berminat untuk melanjutkan pelajaran. Misi promosi ini menekankan slogan "Jadikan UiTM Pilihan No. 1" bagi menarik minat calon pelajar memilih UiTM sebagai destinasi utama pendidikan tinggi. Program seumpama ini amat penting bagi UiTM untuk mendekati komuniti di kawasan seperti Miri, yang mungkin menghadapi cabaran dalam memperoleh maklumat lengkap mengenai peluang pendidikan tinggi.

Program ini menawarkan pelbagai aktiviti informatif untuk membantu calon pelajar memahami proses permohonan ke UiTM. Antaranya ialah kaunter informasi yang menyediakan maklumat terperinci tentang program pengajian, syarat kemasukan dan prosedur permohonan.

Sebagai bukti komitmen UiTM dalam menjayakan misi ini, petugas akademik dari Kampus Mukah dan Samarahan telah hadir untuk memberikan khidmat nasihat dan bimbingan secara profesional kepada para pengunjung. Calon juga diberi peluang untuk menyemak kelayakan mereka secara langsung melalui Sistem Semak Syarat UiTM dengan mengunjungi pautan Selangkah.uitm.edu.my.

Bagi memudahkan proses permohonan, peserta juga dinasihatkan membawa salinan dokumen penting seperti slip SPM/STPM, kad pengenalan, sijil lahir dan slip gaji ibu bapa bagi permohonan ke program Pra-Diploma. Secara keseluruhannya, program ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran tentang peluang pendidikan di UiTM dan seterusnya menarik lebih ramai calon pelajar untuk mendaftar.

Kejayaan program ini bukan sahaja diukur melalui jumlah kehadiran, tetapi juga melalui peningkatan permohonan ke UiTM Cawangan Sarawak. Dengan adanya inisiatif seperti ini, UiTM terus memainkan peranan penting dalam meluaskan akses pendidikan berkualiti kepada masyarakat setempat.



Poster ESKU 2025, Miri



Bersama pelajar dari SMK Agama Miri